



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



PENGAPLIKASIAN TEKNIK KUMPULAN NOMINAL
UBAHSUAI DALAM KAJIAN PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN
MODEL FIQH IKHTILAF SISWA PENDIDIK PENDIDIKAN
ISLAM IPGM

*APPLICATION OF MODIFIED NOMINAL GROUP TECHNIQUE IN USABILITY
STUDY OF FIQH IKHTILAF MODEL FOR IPGM PISMP ISLAMIC TEACHERS-
IN-TRAINING*

Ahmad Khairudin Taha^{1*}, Atikullah Abdullah²

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: din_taha@yahoo.com

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: atik@usm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.05.2021

Revised date: 08.06.2021

Accepted date: 25.06.2021

Published date: 30.06.2021

To cite this document:

Taha, A. K., & Abdullah, A. (2021). Pengaplikasian Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai Dalam Kajian Penilaian Kebolegunaan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (40), 337-349.

DOI: 10.35631/IJEPC.640027.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Berdasarkan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang diguna pakai, sebuah Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM telah direka bentuk dan dibangunkan dengan penglibatan sekumpulan pakar. Model yang telah terhasil ini seterusnya perlu melalui proses penilaian kebolegunaan pada fasa berikutnya. Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolegunaan prototaip Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM. Kajian ini mengaplikasikan teknik NGT Ubahsuai. Seramai 26 orang pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) telah dilibatkan sebagai penilai prototaip model. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dalam bentuk peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua 21 item yang dinilai telah mencapai status sesuai untuk digunakan iaitu melebihi nilai skor 70 %. Dapat disimpulkan juga bahawa, teknik NGT mampu menjimatkan masa dan kos untuk memperoleh data yang diperlukan dari pakar penilai yang dilantik.

Kata Kunci:

Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik IPGM, Fiqh Ikhtilaf, Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM, Kurikulum fiqh IPGM, Institut Pendidikan Guru

Malaysia (IPGM), Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR), Teknik Kumpulan Nominal (NGT).

Abstract:

Based on the Design and Development Research (DDR) approach, a Fiqh Ikhtilaf Model For PISMP Islamic Teachers-In-Training in IPGM was designed and developed with the involvement of experts. Then, the model have to go through the usability evaluation process in the next phase. This study aims to evaluate the applicability of the model. A total of 26 lecturers from the Institute of Teacher Education (IPG) were involved as evaluators of the model. The data obtained were analysed using descriptive statistics of percentages. The finding of the study showed that all 21 items evaluated above the score value of 70 % and also can be concluded that, NGT technique is able to save time and cost to obtain the required data from evaluators.

Keywords:

Fiqh Ikhtilaf Model For PISMP Islamic Teachers-In-Training IPGM, Islamic Jurisprudence Of Difference, IPGM PISMP Islamic Teachers-In-Training, IPGM Islamic Jurisprudence Curriculum, Institute of Teacher Education Malaysia (IPGM), Design and Development Research (DDR), Modified Nominal Group Technique (NGT).

Pengenalan

Artikel ini membahaskan tentang aplikasi Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (Modified NGT) dalam kajian penilaian kebolegunaan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM. Secara keseluruhannya, kerangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Developmental Research - DDR). Manakala artikel ini pula akan memfokuskan kepada kajian penilaian kebolegunaan model yang berada di fasa ketiga kajian iaitu fasa penilaian kebolegunaan model. Fasa penilaian kebolegunaan model adalah merujuk kepada fasa pengukuran terhadap keupayaan sesuatu produk yang dihasilkan yang mana penilaiannya dibuat oleh pengguna produk itu sendiri (Mohd Riduan & Nurulrabihah, 2020, hlm. 39).

Dalam kajian ini, Model Fiqh Iktilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM telah dibangunkan bertujuan dijadikan model contoh, yang boleh diguna pakai dalam merealisasikan hasrat melahirkan siswa pendidik yang matang dari sudut ilmu, pemikiran dan adab, dalam berinteraksi dengan perkara-perkara ikhtilaf fiqhi. Model Fiqh Iktilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM telah dinilai dan disahkan oleh 12 orang pakar. Kerangka model ini terhasil dari analisis terhadap lima (5) model sandaran iaitu Model Tonggak Pemikiran & Akhlak Fiqh Iktilaf, Al-Qaradawi (2001), Model Adab Ikhtilaf Al-'Alwani (1992), Model Fiqh Malizi (1990-an), Model Fiqh Lestari (2010) dan Model Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan seperti yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia (SGM) (2009). Seterusnya model ini telah dinilai dan disahkan oleh 12 pakar bidang yang terdiri daripada tiga (3) mufti kerajaan, enam (6) pensyarah universiti dan tiga (3) pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG).

Permasalahan Kajian

Para ulama telah menggariskan elemen-elemen fiqh ikhtilaf untuk dijadikan panduan kepada umat Islam. Namun begitu, elemen-elemen yang digariskan oleh seorang sarjana dengan

sarjana yang lain pada zahirnya dilihat ada perbezaan. Contohnya Al-Qaradawi dalam karyanya yang bertajuk *Al-Sahwah Al-Islamiyyah Bain Al-Ikhtilaf Al-Mashru' Wa Al-Tafarruq Al-Madhmum* (2001) telah menggariskan 10 tonggak pemikiran dan 6 tonggak akhlak fiqh ikhtilaf, manakala Al-'Alwani (1992) pula telah menggariskan sekurang-kurangnya 5 etika dalam berinteraksi dengan perkara ikhtilaf. Di peringkat tempatan pula, para sarjana turut memperkenalkan beberapa konsep yang tersendiri seperti Fiqh Malizi dan Fiqh Lestari (2010). Perbezaan yang ada pada elemen-elemen fiqh ikhtilaf ini sudah tentu ada latar belakang, faktor dan situasi yang tersendiri.

Dari sudut penguasaan fiqh ikhtilaf dalam kalangan siswa pendidik pula, pemerhatian di lapangan yang dibuat oleh penyelidik mendapati bahawa secara keseluruhannya elemen-elemen fiqh ikhtilaf belum mantap dalam diri siswa pendidik. Sebahagian daripada mereka juga menzahirkan rasa kurang yakin untuk berdepan dengan isu-isu ikhtilaf fiqhi ini. Bahkan dalam kes yang lebih teruk lagi, ada dalam kalangan mereka tidak bersetuju dengan isi kandungan tertentu yang terdapat dalam tajuk-tajuk tertentu yang ada dalam silibus Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Elemen-elemen fiqh ikhtilaf juga didapati kurang diterapkan dalam kurikulum fiqh IPGM. Siswa pendidik juga telah bersepakat mengatakan pentingnya elemen fiqh ikhtilaf diterapkan dalam kurikulum pengajian fiqh di IPGM (Ahmad Khairudin & Atikullah, 2020, hlm. 35-40).

Kesimpulannya, penyelidik berpandangan bahawa satu kerangka model fiqh ikhtilaf yang sesuai dengan profesionalisme siswa pendidik harus dibangunkan seterusnya dapat diterapkan ke dalam diri siswa pendidik dengan cara lebih baik dan tersusun. Elemen-elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum IPG juga haruslah dikaji dengan lebih mendalam memandangkan ianya adalah satu keperluan semasa selaras dengan cadangan pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang menegaskan bahawa isu dan trend yang terjadi pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa hendaklah diambil kira dalam analisis keperluan sesuatu program (MQA, 2011, hlm. 10). Tambahan pula, setakat pembacaan penyelidik, belum ada kajian sebegini telah dijalankan. Pengalaman penyelidik sebagai tenaga pengajar di IPG dalam bidang ini mungkin dapat dikongsi dan difikirkan ada kelebihannya yang tersendiri.

Sorotan Literatur

Elemen kefahaman fiqh ikhtilaf merujuk kepada anasir atau sesuatu yang menjadi sebab seseorang dianggap mempunyai kefahaman dan kecerdikan di dalam berinteraksi dengan perkara-perkara ikhtilaf. Dalam menggariskan elemen fiqh ikhtilaf ini, Al-Qaradawi (2001) telah menggariskan 10 elemen pemikiran fiqh ikhtilaf dan 6 elemen akhlak fiqh ikhtilaf. Al-Qaradawi (2001) telah menggariskan 10 tonggak pemikiran dan 6 tonggak akhlak dalam fiqh ikhtilaf. 10 tonggak pemikiran fiqh ikhtilaf yang digariskan beliau ialah; 1. Perbezaan pada masalah furuk adalah satu kemestian (darurah), rahmat dan keluasan (الاختلاف في الفروع ضرورة ورحمة وسعة); 2. mengikut manhaj pertengahan dan meninggalkan sikap berlebihan dalam agama (اتباع المنهج الوسط وترك التنطع في الدين); 3. memfokuskan kepada perkara muhkamat bukannya kepada perkara mutashabihat (التركيز على المحكمات لا المتشابهات); 4. tidak menolak dan mengingkari seseorang dalam masalah ijthadiyyah (تجنب القطع والإنكار في المسائل الاجتهادية); 5. kemestian menelaah perbezaan pendapat para ulama (ضرورة الاطلاع على اختلاف العلماء); 6. membatasi (memahami betul-betul) pengertian dan istilah (تحديد المفاهيم والمصطلحات); 7. memberi tumpuan yang lebih kepada permasalahan umat Islam yang lebih penting (شغل المسلم بهموم أمته الكبرى); 8. saling bekerjasama dalam masalah yang disepakati (التعاون في المتفق عليه); 9. saling bertoleransi dalam masalah yang diperselisihkan (التسامح في المختلف فيه); dan 10. tidak mudah mengkafirkan orang yang mengucapkan 'lailahailallah' (الكف عن قال لا إله إلا الله).

Manakala 6 tonggak akhlak dalam fiqh ikhtilaf yang telah beliau gariskan adalah; 1. Ikhlas kerana Allah SWT dan menjauhi hawa nafsu (الإخلاص والتجرد من الأهواء) ; 2. Bebas daripada taasub kepada individu atau mazhab atau kumpulan (التحرر من التعصب للأشخاص والمذاهب والطوائف) ; 3. Berbaik sangka terhadap orang lain (إحسان الظن بالآخرين) ; 4. Meninggalkan cercaan dan penilaian negatif terhadap orang lain yang berlainan pandangan (ترك الطعن والتجريح للمخالفين) ; 5. Menjauhkan diri dari sifat menunjuk-nunjuk dan juga berlebih-lebihan dalam perbalahan (البعد عن المراء واللدن) ; dan 6. Berbincang dengan baik (الحوار بالتي هي أحسن).

Begitu juga dengan uruf dan ketetapan daripada pihak ulul amri hendaklah diambil kira sebagai satu elemen kefahaman fiqh ikhtilaf. Ini kerana uruf adalah diambil kira dalam penentuan hukum hakam seperti yang dijelaskan dalam kaedah fiqh yang bermaksud adat diambil kira dalam permasalahan hukum (العادة مُحْكَمَةٌ). Manakala ketetapan ulul amri pula boleh menyelesaikan banyak isu ikhtilaf yang terjadi pada sesuatu perkara. Ini adalah berasaskan kepada kaedah fiqh yang bermaksud keputusan hakim atau pemerintah akan mengangkat atau menjadi kata putus kepada sesuatu pertikaian yang terjadi (حُكْمُ الْحَاكِمِ يَرْفَعُ الْخِلَافَ). Ketetapan daripada pihak ulul amri ini dizahirkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam yang digubal oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Enakmen tersebut menegaskan bahawa hukum hakam dan fatwa yang digubal dan disebarkan di Malaysia hendaklah pada lazimnya berasaskan kepada qaul muktamad dalam mazhab Syafie. Jika qaul tersebut membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, qaul muktamad dalam Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali akan diguna pakai. Jika tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.

Dari sudut kurikulum PISMP Pendidikan Islam pula, ia dilihat telah digubal dengan agak baik dan menyeluruh. Namun begitu, berdasarkan Laporan Penilaian Pematuhan Akreditasi Program - MQA. 10/99 Jld. 3 (48), kurikulum ini masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan. Antara perkara yang perlu diperbaiki adalah pada bahagian kandungan kurikulum itu sendiri. Pihak MQA pernah membuat teguran bahawa kandungan kurikulum Pendidikan Islam IPG masih terdapat kelemahan dan perlu dibuat penambahbaikan serta diambil tindakan pembetulan.

Berkenaan dengan kemampuan bakal guru Pendidikan Islam berinteraksi dengan isu khilafiah pula, Dr. Haji Adenan Haji Basar (2018) (Rektor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei) dan Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri (Rektor KUIS) pernah menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkara ini semasa menyampaikan syarahan di The 5th International Conference On Research In Islamic Education and Arabic Language 2018 pada Januari 2018.


Menurut Taha Jabir Al-'Alwani (1992) pula, Isu-isu ikhtilaf fiqhi ini perlu diberi perhatian yang serius kerana boleh jadi ia merupakan antara masalah yang paling berbahaya yang telah melanda dunia umat Islam di seluruh dunia.

Berkenaan dengan KSSR Pendidikan Islam pula, ia telah dibina bagi memenuhi keperluan pendidikan Islam secara holistik, bersepadu dan berkembang serta bersifat autentik selaras

dengan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) pula merupakan satu dokumen lengkap kurikulum untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Antara kandungan yang ada dalam DSKP ialah standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Standard Kandungan adalah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan serta boleh tunjukkan melalui perubahan tingkah laku dalam satu tempoh persekolahan, merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Manakala standard pembelajaran pula adalah satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Standard Prestasi adalah satu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai. Himpunan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi ini akan digunakan oleh guru untuk mengukur tahap penguasaan yang boleh dicapai oleh murid setelah berlakunya interaksi antara guru dan murid dalam sesi PdP.

Prototaip Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM

Hasil analisis terhadap lima (5) model sandaran iaitu; Model Tonggak Pemikiran & Akhlak Fiqh Ikhtilaf, Al-Qaradawi (2001), Model Adab Ikhtilaf Al-'Alwani (1992), Model Fiqh Malizi (1990-an), Model Fiqh Lestari (2010) dan Model Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan, SGM (2009), maka terhasillah prototaip Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM. Kemudian, pada fasa kedua kajian iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan model; dengan menggunakan Fuzzy Delphi Technique (FDM), 12 orang pakar telah membuat penilaian dan seterusnya mengesahkan prototaip Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM. Model tersebut adalah seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Prototaip Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM

Seterusnya, prototaip model ini akan melalui fasa ketiga kajian iaitu fasa penilaian kebolegunaan model. Artikel ini akan memfokuskan perbahasan terhadap penilaian kebolegunaan ini.

Objektif Dan Soalan Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menilai kebolegunaan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan menjawab persoalan yang berikut dari sudut persepsi pensyarah:

Persoalan Umum:

Apakah kebolegunaan model Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM?

Persoalan Khusus:

1. Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian komponen dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM?
2. Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian elemen dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM?
3. Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian kebolegunaan keseluruhan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM?

Metodologi***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubahsui (Modified Nominal Group Technique). Menurut Varga-Atkins et. al (2011), Teknik Kumpulan Norminal atau Nominal Group Technique (NGT) dibangunkan oleh Delbecq et. al (1975). Ia adalah kajian yang melibatkan pakar. Ia adalah satu teknik kajian yang berstruktur, yang dijalankan secara kumpulan melalui pertemuan bersemuka, bertujuan untuk mendapatkan konsensus ahli dalam sebuah kumpulan terhadap sesuatu topik yang dibincangkan. Antara kelebihan NGT pula adalah, ia memberikan kesamarataan pandangan ahli, mengurangkan kesan personaliti, menghasilkan keputusan pada akhir sesi, dan menjimatkan kos (Varga-Atkins et al, 2011, hlm. 4).

Instrumen Kajian

Satu set soal selidik telah dibina berdasarkan dapatan kajian di fasa II iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan model. Terdapat empat (4) bahagian dalam soal selidik iaitu;

- i. Bahagian A berkenaan dengan maklumat demografik responden.
- ii. Bahagian B menjawab tentang kesesuaian komponen utama dan elemen model.
- iii. Bahagian C menjawab tentang kesesuaian keseluruhan model.
- iv. Bahagian D berkenaan dengan pengakuan penerimaan pelantikan sebagai pakar penilai kebolegunaan model.

Semua respons penilaian pula adalah melibatkan skala Likert 5 poin iaitu; 1. Sangat tidak sesuai, 2. Tidak sesuai, 3. Sederhana sesuai, 4. Sesuai, dan 5. Sangat sesuai.

Sampel

Responden kajian ini terdiri daripada sampel 26 orang pensyarah Pendidikan Islam IPGM. Kriteria pemilihan peserta kajian adalah seperti berikut:

- i. Berpengetahuan dalam bidang yang dikaji iaitu sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana muda atau sarjana atau PhD dalam bidang pendidikan atau pengajian Islam.
- ii. Berpengalaman dalam bidang yang dikaji iaitu mempunyai pengalaman sekurang-kurang lima (5) tahun terlibat sebagai tenaga pengajar bagi kursus-kursus pengajian/pendidikan Islam di IPG.
- iii. Dapat memberikan komitmen sepenuhnya sehingga kajian selesai dijalankan.

Prosedur Kajian

Pelaksanaan prosedur kajian ini adalah diubahsui berdasarkan langkah-langkah yang diutarakan oleh kajian O'Neil & Jackson (1983), Dobbie et al., (2004), Aizzat et al., (2006),

William et al., (2006) dan Perry & Linsley (2006). Langkah pelaksanaan teknik NGT ialah (i) fasa penerangan, (ii) fasa senyap (penjanaan idea), (iii) fasa bulatan Robin (paparan idea), (iv) fasa penjelasan dan (v) fasa pengundian. Bagi konteks kajian ini pula, prosedur pelaksanaan NGT Ubahsuai adalah seperti berikut:

- i. Penerangan tentang konsep umum kajian.
- ii. Penjelasan tentang komponen dan elemen yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM.
- iii. Perkongsian idea di antara peserta kajian.
- iv. Proses pengundian peserta kajian.
- v. Pembentangan rumusan kajian.

Analisis Kajian

Penganalisan data telah dijalankan menggunakan perisian MS Exel. Penganalisan data dibuat berdasarkan kepada statistik deskriptif iaitu melihat kepada peratusan.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian penilaian kebolegunaan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM dianalisis dari tiga aspek utama iaitu; 1. Penilaian kebolegunaan komponen utama model, 2. Penilaian kebolegunaan elemen model, dan 3. Kebolegunaan keseluruhan model.

Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Model

Perbincangan dapatan pada bahagian ini menjawab sub soalan kajian satu (1) iaitu:

1. Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian komponen dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM?

Analisis dapatan konsensus pakar terhadap kesesuaian komponen model dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Dapatan Bagi Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM

No	Komponen Utama Model	Jumlah Skor (n=26)	Peratus	Status Penilaian
1.	Ilmu Fiqh Ikhtilaf	125	96%	Sesuai
2.	Pemikiran Fiqh Ikhtilaf	125	96%	Sesuai
3.	Adab Fiqh Ikhtilaf	124	95%	Sesuai

Jadual 1 menunjukkan bahawa kesemua peratusan komponen utama Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM yang dinilai adalah melebihi daripada 70%, seterusnya mencapai status sesuai untuk digunakan.

Penilaian Kebolegunaan Elemen Bagi Komponen Utama

Perbincangan dapatan pada bahagian ini menjawab sub soalan kajian satu iaitu: 2. Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian elemen dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM? Analisis dapatan konsensus pakar terhadap kesesuaian komponen model dibahaskan berdasarkan;

- i. Kesesuaian elemen yang terdapat dalam komponen ilmu fiqh ikhtilaf.
- ii. Kesesuaian elemen yang terdapat dalam komponen pemikiran fiqh ikhtilaf.
- iii. Kesesuaian elemen yang terdapat dalam komponen adab fiqh ikhtilaf.

Jadual 2 adalah menunjukkan dapatan analisis konsensus pakar terhadap elemen yang terdapat dalam komponen ilmu fiqh ikhtilaf.

Jadual 2: Dapatan Bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Yang Terdapat Dalam Komponen Pemikiran Fiqh Ikhtilaf

No	Elemen Dalam Komponen Ilmu Fiqh Ikhtilaf	Jumlah Skor (n=26)	Peratus	Status Penilaian
1.	Menguasai asas metodologi berkaitan hukum syara'.	119	92%	Sesuai
2.	Mengetahui sebab-sebab berlaku ikhtilaf.	124	95%	Sesuai
3.	Menguasai perbincangan ulama berkaitan perkara furuk yang diikhtilafkan.	116	89%	Sesuai
4.	Menguasai prinsip asas yang diikhtilafkan	122	94%	Sesuai
5.	Menguasai Ilmu tarikh fiqh/tasyri'.	120	92%	Sesuai

Jadual 2 menunjukkan bahawa kesemua peratusan elemen bagi komponen ilmu fiqh ikhtilaf yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM yang dinilai adalah melebihi daripada 70%, seterusnya mencapai status sesuai untuk digunakan.

Manakala Jadual 3 pula adalah berkaitan dengan dapatan analisis konsensus pakar terhadap elemen yang terdapat dalam komponen pemikiran fiqh ikhtilaf.

Jadual 3: Dapatan Bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Yang Terdapat Dalam Komponen Pemikiran Fiqh Ikhtilaf

No	Elemen Dalam Komponen Pemikiran Fiqh Ikhtilaf	Jumlah Skor (n=26)	Peratus	Status Penilaian
1.	Memahami hakikat ikhtilaf yang dibenarkan sebagai satu kemestian (darurah), rahmat dan keluasan.	128	98%	Sesuai
2.	Dapat membezakan antara ikhtilaf yang dibenarkan dan ikhtilaf yang dilarang.	124	95%	Sesuai
3.	Menitikberatkan ciri persamaan berbanding perbezaan.	122	94%	Sesuai
4.	Memahami Istilah Syarak Dengan Kefahaman Yang Benar.	126	97%	Sesuai

5.	Mengutamakan perkara-perkara penting bagi ummah berbanding perpecahan disebabkan ikhtilaf dalam permasalahan furuk.	127	98%	Sesuai
6.	Memandang mulia kepada pegangan mazhab muktabar.	127	98%	Sesuai
7.	Menghormati autoriti dan pegangan mazhab (muktabar) setempat.	126	97%	Sesuai

Jadual 3 menunjukkan bahawa kesemua peratusan elemen bagi komponen pemikiran fiqh ikhtilaf yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM yang dinilai adalah melebihi daripada 70%, seterusnya mencapai status sesuai untuk digunakan.

Manakala Jadual 4 di bawah adalah berkaitan dengan dapatan analisis konsensus pakar terhadap elemen yang terdapat dalam komponen adab fiqh ikhtilaf.

Jadual 4: Dapatan Bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Yang Terdapat Dalam Komponen Pemikiran Fiqh Ikhtilaf

No	Elemen Dalam Komponen Pemikiran Fiqh Ikhtilaf	Jumlah Skor (n=26)	Peratus	Status Penilaian
8.	Memahami hakikat ikhtilaf yang dibenarkan sebagai satu kemestian (darurah), rahmat dan keluasan.	128	98%	Sesuai
9.	Dapat membezakan antara ikhtilaf yang dibenarkan dan ikhtilaf yang dilarang.	124	95%	Sesuai
10.	Menitikberatkan ciri persamaan berbanding perbezaan.	122	94%	Sesuai
11.	Memahami Istilah Syarak Dengan Kefahaman Yang Benar.	126	97%	Sesuai
12.	Mengutamakan perkara-perkara penting bagi ummah berbanding perpecahan disebabkan ikhtilaf dalam permasalahan furuk.	127	98%	Sesuai
13.	Memandang mulia kepada pegangan mazhab muktabar.	127	98%	Sesuai
14.	Menghormati autoriti dan pegangan mazhab (muktabar) setempat.	126	97%	Sesuai

Jadual 4 menunjukkan bahawa kesemua peratusan elemen bagi komponen adab fiqh ikhtilaf yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM yang dinilai adalah melebihi daripada 70%, seterusnya mencapai status sesuai untuk digunakan.

Penilaian Kebolegunaan Keseluruhan Model

Perbincangan dapatan pada bahagian ini menjawab sub soalan kajian satu iaitu: 3. Apakah konsensus pakar terhadap kesesuaian kebolegunaan keseluruhan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM? Analisis dapatan konsensus pakar terhadap kesesuaian keseluruhan model dinyatakan pada Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Dapatan Bagi Penilaian Kebolegunaan Keseluruhan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM

No	Elemen Dalam Komponen Adab Fiqh Ikhtilaf	Jumlah Skor (n=26)	Peratus	Status Penilaian
1.	Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik IPGM adalah jelas dalam mencirikan komponen dan elemen fiqh ikhtilaf siswa pendidik.	129	99%	Sesuai
2.	Komponen-komponen dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik IPGM adalah terdiri dari unsur-unsur (konstruk/kategori) penting dalam fiqh ikhtilaf yang diperlukan oleh siswa pendidik.	127	98%	Sesuai
3.	Elemen-elemen dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik IPGM adalah terdiri dari unsur-unsur (item-item) penting dalam fiqh ikhtilaf yang diperlukan oleh siswa pendidik.	126	97%	Sesuai
4.	Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik IPGM adalah praktikal (sesuai untuk digunakan) dalam usaha membangunkan ilmu, pemikiran dan adab fiqh ikhtilaf siswa pendidik.	127	98%	Sesuai
5.	Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik boleh dijadikan panduan kepada siswa pendidik dalam berinteraksi dengan perkara ikhtilaf fiqhi yang berbangkit.	129	99%	Sesuai
6.	Komponen dan elemen yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik sesuai diserapkan dalam kurikulum fiqh IPGM.	127	98%	Sesuai

Jadual 5 menunjukkan bahawa kesemua peratusan yang terdapat dalam penilaian item kebolegunaan keseluruhan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM yang dinilai adalah melebihi daripada 70%, seterusnya mencapai status sesuai untuk digunakan.

Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian berkenaan dengan komponen utama model (rujuk Jadual 1) menunjukkan bahawa semua komponen yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik dinilai sesuai. Pandangan-pandangan peribadi dari peserta kajian (PK) pula mengatakan bahawa komponen-komponen utama model adalah mewakili model fiqh ikhtilaf (PK3). Ia dilihat cukup dan tidak perlu kepada penambahan komponen yang lain (PK12). Komponen-komponen yang dikemukakan juga sangat bersesuaian kerana ketiga-tiga komponen yang dicadangkan sangat penting dalam fiqh ikhtilaf (PK13).

Dapatan penilaian kebolegunaan bagi kesesuaian elemen-elemen yang terdapat dalam komponen-komponen utama model pula adalah dalam julat 89-100% (rujuk Jadual 2, 3 & 4). Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua elemen yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik adalah sesuai dan diterima. Lontaran-lontaran pandangan dari PK pula menggambarkan bahawa elemen-elemen yang terdapat dalam model adalah sesuai dalam usaha melahirkan guru-guru yang mempunyai pemikiran yang sederhana iaitu tidak melampau dan tidak bermudah-mudah dalam berinteraksi dengan perkara ikhtilaf (PK24). Elemen-elemen yang terdapat dalam Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik juga dilihat mampu menjadikan siswa pendidik menyanjung tinggi ulama terdahulu dengan mengutamakan adab dalam berbeza pandangan (PK24). Semua elemen yang terdapat dalam komponen ilmu fiqh ikhtilaf pula adalah terdiri daripada perkara asas yang terdapat dalam ilmu fiqh (PK12&PK26). Elemen-elemen yang terdapat dalam pemikiran fiqh ikhtilaf juga sesuai dengan pegangan ahli sunnah wal jamaah (PK26).

Dapatan penilaian keseluruhan model pula adalah dalam julat skor 97-99% (rujuk Jadual 5), seterusnya menggambarkan bahawa status penilaian kebolegunaan keseluruhan model adalah sesuai. Lontaran-lontaran pandangan dari PK juga menggambarkan bahawa secara keseluruhannya Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik dinilai sesuai. Peserta-peserta kajian juga bersetuju dengan kebolegunaan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik. Antara pandangan yang dilontarkan oleh PK adalah, Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik boleh dijadikan panduan kepada siswa pendidik dalam berinteraksi dengan perkara ikhtilaf (PK10). Kerangka model ini juga mampu memperkemaskan lagi ilmu fiqh terutama dalam bidang fiqh ikhtilaf (PK7). Model ini juga sangat sesuai untuk melahirkan guru-guru yang mempunyai pemikiran yang sederhana dan menyanjung tinggi ulama terdahulu dengan mengutamakan adab dalam berbeza pandangan (PK24). Ia juga boleh digunakan oleh penggubal kurikulum sebagai panduan dalam penggubalan kurikulum fiqh di peringkat IPGM dan bagus diserapkan dalam kurikulum fiqh (PK2). Model ini dilihat dihasilkan dengan sangat teliti dan mengadaptasikannya dari pelbagai model dan sumber yang muktabar, serta model ini dilihat bersifat jamik dan manik (PK25).

Kesimpulan Kajian

Dapatan kajian penilaian kebolegunaan menunjukkan bahawa kesemua skor peratusan bagi komponen utama, elemen-elemen, dan penilaian kebolegunaan keseluruhan Model Fiqh Ikhtilaf Siswa Pendidik Pendidikan Islam IPGM yang dinilai adalah melebihi 70%. Bagi pengukuran dalam NGT, julat penerimaan peratusan skor yang biasa digunapakai adalah 70% dan ke atas (Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020, hlm. 201). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kajian penilaian kebolegunaan ini telah mengesahkan komponen-

komponen utama dan elemen-elemen yang terdapat dalam model ini adalah sesuai digunakan seperti yang dihasratkan dalam tujuan utama kajian yang dijalankan. Pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh peserta kajian juga menunjukkan keselarian dapatan dengan skor peratusan penilaian yang diperoleh.

Rujukan

Al-Quran.

Abdullah Basmeh. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran: (30 Juz). Aplikasi Projek Mashaf Elektronik. The King Saud Universiti.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). (2011). Garis Panduan Amalan Baik : Reka bentuk dan penyampaian kurikulum MQA. Diakses dari <http://www2.mqa.gov.my/qad/garis panduan/MR%20CIHQ%20BM.pdf>

Ahmad Khairudin Taha, Atikullah Abdullah. (2020). Persepsi Siswa Pendidik Terhadap Elemen Fiqh Ikhtilaf Dalam Kurikulum Fiqh IPGM. *Internasional Journal of Modern Education*, 2(7), 27-41. ms 27. DOI: 10.35631/IJMoe.27003

Al-'Alwani. (1992). *Adab Al-Ikhtilaf Fi Al-Islam*. Herndon, Vagina, USA.

Al-Qardhawi. (2001). *Al-Sohwah Al-Islamiah Bain Al-Ikhtilaf Al-Masru' Wa Al-Tafarruq Al-Mazmum*. Dar Al-Syuruq. Cetakan Pertama. Al-Qaherah.

Arief Sallah Bin Rosman. Pemahaman Terhadap Metodologi Ikhtilaf Fiqhi Ke Arah Menyelesaikan Isu Fanatisme. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol. 7 2016. eISSN: 0127- 8886. hlm 75-89.

Atikullah Abdullah. (2010). Konsep Dan Ciri-Ciri Fiqh Lestari: Ke Arah Mengarusperdanakan Fiqh Dalam Kehidupan Masyarakat. *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 3 (2010), hlm. 507-526.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian. 2017. Institut Pendidikan Guru Malaysia. KPM.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th Ed.). New York: Routledge.

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Kedua. Penerbit Universi Malaya, Kuala Lumpur.

Habibah @ Artini Binti Ramlie. (2017). *Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhyyah'*. Tesis PhD Universiti Malaya.

Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Abdul Muqsith Ahmad. (2017). Aplikasi Teknik Kumpulan Nominal (Nominal Group Technique - NGT) Dalam Penyelidikan Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities Application*. Vol. 11 (Oct) 2017: 125-138. ISSN 2232-0431 / e-ISSN 2504-8422.

Ibrahim, B. (2010). Perbezaan Pendapat Dalam Perkara Cabang Fiqh : Analisis Terhadap Pandangan Al-Qaradawi. *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 1 (2010) 191-228, 18(1), 191–228.

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Ringkasan Maklumat Kursus PIM1034 Pengantar ilmu Fiqh - Kemas kini November 2016.

Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Buku Panduan Akademik Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Institut Pendidikan Guru Malaysia. Ringkasan Maklumat Kursus FKIK3013 Fiqh Kekeluargaan - Kemas kini November 2016.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. Ringkasan Maklumat Kursus PIMK3083 Pengajian Fiqh - Kemas kini November 2016.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2017) Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia. Diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my>.
- John W. Creswell. (2013). Research Design : Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed. Edisi 3. Cetakan Ketiga. Pustaka Pelajar, Yogyakarta.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi. (2018). Memperkasakan Fatawa : Keperluan Kepada Fiqah Tempatan, Fatwa Dan Perbezaan Pandangan : Cabaran Dan Penyelesaian. Cetakan Pertama. Percetakan Salam. Kuala Lumpur.
- McKillip, J. (1987). Need analysis: Tools for the human services and education. Newbury Park, CA: Sage.
- Mohd Ridhuan, M.J., Nurulrabihah, M.N. (2020). Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan. Selangor. Malaysia.
- Nurulrabihah Mat Noh. (2020). Pembangunan Model Pengajaran Pemikiran Reka Bentuk Sekolah Rendah. Tesis PhD Universiti Malaya.
- Richey, R.C., & Klein, J.D. (2007). Design and Development Research. New York: Routledge.
- Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, Rozaini Muhamad Rozkee. (2020). Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan: Aplikasi Kepada Penyelidikan Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.
- Varga-Atkins, T., & McIsaac, J. (2011). The Nominal Group Technique : A Practical Guide For Facilitators: Ditulis untuk The ELESIG Small Grants Scheme 2010/11. Liverpool. University of Liverpool.
- Zulkifli Al-Bakri. (2017). Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke-18 : Pembahagian Ikhtilaf. <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/683-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-18-pembahagian-ikhtilaf>. Diakses pada 10.10.2018